

# Derita ibu hidap kanser penguat semangat

**Kuantan:** Penderitaan yang dialami ibu akibat barah menguatkan semangat Nur Farziana Husein, 23, untuk tersenarai sebagai penerima anugerah pada Majlis Konvokesyen ke-14 Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, kelmarin.

Mengetahui ibunya, Shari-fah Farziah Jaafar, 50, yang juga ibu tunggal menghidap kanser limfoma tahap empat, membakar semangat graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan ini untuk meneruskan pengajian dan tidak menyangka dipilih antara empat penerima Anugerah Yayasan Pahang.

“Selepas kematian ayah semasa pada semester pertama, ibu mengambil upah menjahit membesarkan kami enam beradik. Apabila ibu menghidap kanser, pada mulanya saya hampir putus asa.

“Tetapi, kakak dan abang banyak bagi dorongan untuk saya fokus pada pengajian sehingga tamat. Anugerah ini sangat bermakna kepada saya kerana ada kisah yang akan saya kenang serta menjadi kekuatan kepada diri saya,” kata anak ketiga daripada enam beradik itu.

Sementara itu, bagi anak kepada seorang petani, Umi Fatiha Md Kosnin@Md Seropil, 23, bapanya, Md Kosnin@Md Seropil Lamneo, 71, menjadi sumber kekuatannya untuk berjaya sehingga meraih Anugerah Dekan selama tujuh semester.

Graduan Sarjana Muda Sains Gunaan Teknologi Bahan



**Nur Farziana Husein**

yang diangkat sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja, menjadikan pencapaian dua kakaknya sebagai guru dan doktor, pendorong untuk berjaya.

“Kesusahan keluarga menjadi pembakar semangat untuk berusaha sehingga berjaya dan tak sangka dipilih sebagai penerima anugerah ini. Ayah pesan, ilmu akhirat dia boleh bagi, tetapi, ilmu dunia kena usaha sendiri,” katanya yang kini bertugas di sebuah kilang di Semenyih, Selangor.

Tidak seperti Nur Farziana dan Umi Fatiha yang mempunyai abang dan kakak sebagai penguat semangat, bagi Khairun Nisa Mazlan, 23, dia bergantung harap kepada ibunya, Noorasiah Daud, 48, yang juga ibu tunggal sebagai sumber kekuatannya.

Khairun Nisa menjadikan kejayaannya meraih Anugerah Canselor disampaikan Canselor UMP yang juga Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, sebagai dorongan kepada adik-adiknya.